

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 28 JUN 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 30

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1242-L43626
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dasar Program Rakan Industri Sukan Malaysia (PRISMA) yang bertujuan untuk menggalakkan sektor swasta untuk menaja bidang sukan tertentu dalam negara.
2. PR-1242-L44158
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran lanjut projek pembinaan MRT dari Sungai Buloh - Kajang yang mana jajaran laluan akan melalui kawasan Parlimen Cheras seperti cadangan stesen dan kemudahan yang disediakan, jumlah tanah yang diambil balik, kos projek, apakah bentuk bantahan yang diterima daripada orang ramai.
3. PR-1242-L44355
Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mencepatkan pelaksanaan pelbagai projek yang telah diluluskan dibawah NKRA seperti jalan luar bandar, jambatan, bekalan elektrik dan air, dan lain-lain terutamanya di kawasan Parlimen di Sarawak yang setakat ini agak kurang memuaskan dari segi pelaksanaannya.
4. PR-1242-L44301
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pelarian di Malaysia dan sama ada pemeriksaan kesihatan adalah diwajibkan terhadap setiap orang pelarian untuk memastikan bahawa mereka tidak membawa penyakit berjangkit ke Malaysia.
5. PR-1242-L43123
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) setakat ini dan apakah cabarannya.
6. PR-1242-L44867
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemajuan kerja projek ubahsuai Dewan Serbaguna Parlimen untuk dijadikan Dewan Rakyat/Dewan Negara sementara.

7. PR-1242-L43237
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dibuat oleh Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Halal Hub utama di rantau ini.
8. PR-1242-L44123
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah kadar baru tambang ETS ini ditetapkan iaitu di antara RM25-RM45 (Ipoh ke KL Sentral) yang bergantung kepada jadual masa tertentu dan apakah objektif ETS.
9. PR-1242-L43856
Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah kerja pembinaan fizikal SMK Pekan Nabalu akan bermula dan berapa lamakah sekolah ini dijangka siap.
10. PR-1242-L44825
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang dibuat ke atas pengusaha teksi yang menggunakan khidmat warga asing dan apakah warga asing layak menjadi pemandu teksi.
11. PR-1242-L43180
Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai cadangan dalam RMKe-10 untuk membina kem tentera tambahan di kawasan Sri Aman.
12. PR-1242-L44750
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-
 - (a) implementasi cadangan menjual mandatori *biofuel* mulai bulan Jun 2011 (tahun ini) di bawah program B5 Kerajaan mengikut jadual; dan
 - (b) anggaran kurangnya kebergantungan kepada *fossil fuels* tiap-tiap tahun bagi lima tahun akan datang.
13. PR-1242-L43288
Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah kemajuan projek Lebuh Raya LATAR Expressway dan bilakah dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya oleh pengguna serta sejauh manakah lebuh raya ini mampu mengurangkan kesesakan di Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2).
14. PR-1242-L44993
Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah sekolah menengah di daerah kecil Balingian dalam Bahagian Mukah.

15. PR-1242-L44919
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik pengambilan mahasiswa mengikut jurusan pengajian pada tahun 2010 dan 2011.
16. PR-1242-L43295
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana pihak Kerajaan merujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dahulu sebelum melantik mana-mana individu untuk memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Milik Kerajaan (GOC).
17. PR-1242-L43882
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan kes buli sekolah yang telah dilaporkan sejak tahun 2005 hingga 2010. Apakah pandangan Kementerian terhadap gejala sosial sebegini dan langkah-langkah yang diambil untuk membantu mangsa serta pemangsa mengatasi *post-trauma syndrome*.
18. PR-1242-L44961
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan Sekolah Agama Rakyat mengikut negeri yang bersetuju menerima tawaran Kerajaan dijadikan sebagai sekolah mendapat bantuan penuh dan berapa pula jumlah guru kaunseling.
19. PR-1242-L43941
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menambah kelas pendidikan khas di kawasan Gelang Patah.
20. PR-1242-L43503
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan akan meluaskan perkhidmatan kepada 'Clan Jetty' di Pengkalan Weld, Georgetown, Pulau Pinang memandangkan ia suatu tarikan pelancongan yang terletak di Tapak Warisan Dunia UNESCO.
21. PR-1242-L44600
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
 - (a) bilangan pelajar yang diterima masuk ke Maktab Perguruan dan Institut Perguruan di seluruh Malaysia amnya dan Sarawak khususnya pada tahun 2010; dan
 - (b) apakah syarat-syarat yang ditetapkan untuk kemasukan.

22. PR-1242-L44716
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengapa kedudukan Malaysia jatuh 10 anak tangga kepada 141 dalam Indeks Kebebasan Akhbar Dunia 2010.
23. PR-1242-L43657
Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) adakah rancangan untuk memperluaskan lapangan terbang Sandakan; dan
 - (b) adakah penerbangan antarabangsa langsung (*direct flight*) ke Sandakan pada masa akan datang.
24. PR-1242-L43767
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan membuat bantahan rasmi kepada Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF) atas keputusan mereka melaksanakan syarat wajib pemakaian skirt kepada pemain badminton wanita.
25. PR-1242-L44586
Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan strategi Kerajaan di dalam pembangunan penggunaan teknologi hijau di dalam mengurangkan pergantungan negara kepada bahan api konvensional seperti dalam penggunaan LED bagi lampu-lampu di jalan raya yang lebih terang dan menjimatkan penggunaan tenaga serta kos penyelenggaraan.
26. PR-1242-L44338
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah jaminan bank, subsidi atau insentif yang diberikan sama ada dalam bentuk wang atau tidak oleh Kerajaan Persekutuan kepada setiap syarikat konsesi tol tiap-tiap tahun sejak ia bermula pada tahun 1980-an. Berikan pecahan syarikat, kos pembinaan dan tempoh masa konsesi. Nyatakan jumlah yang telah dikutip daripada pengguna kenderaan dalam tempoh yang sama.
27. PR-1242-L43707
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa harga dan caj tiket kapal terbang milik Penerbangan Malaysia (MAS) boleh dinaikkan sesuka hati secara mendadak dan apakah mekanisme yang menentukan ketetapan harga dan caj tiket penerbangan yang diguna pakai sekarang.

28. PR-1242-L44794
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan terma-terma perjanjian kontrak perkhidmatan (*service contract*) petroleum yang ditandatangani di antara Petronas dan Consortium Petrofac-Sapura Crest dan Kencana Petroleum termasuk senarai pemegang-pemegang saham utama.
29. PR-1242-L43321
Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan statistik bekalan makanan dan permintaan dalam negara dan apa tindakan telah diambil oleh Kementerian bagi memastikan bekalan dan keselamatan makanan pada masa depan.
30. PR-1242-L44667
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kejayaan dan langkah-langkah yang diambil oleh Talent Corp untuk membawa balik rakyat Malaysia yang kerja di luar negara. Berapakah rakyat Malaysia telah pulang dalam lima bulan yang lalu (Jan - Mei 2011).
31. PR-1242-L43961
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) apakah Malaysia boleh bersaing di peringkat antarabangsa dalam acara-acara sukan berprestij seperti bola sepak, squash dan sebagainya; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan untuk mencungkil bakat baru di peringkat akar umbi agar adanya pasukan pelapis yang mantap yang dapat menggantikan pemain-pemain yang merosot prestasi mereka atau bersara.
32. PR-1242-L43397
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memartabatkan semula IPTA-IPTA di Malaysia yang dahulunya dikenali serantau (seperti UM, UKM dan UTM) dan sekarang hanya mendapat tempat tercorot dalam senarai-senarai institusi pendidikan antarabangsa.
33. PR-1242-L44842
Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk mentransformasikan Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) supaya memainkan peranan yang lebih luas dalam menyediakan perumahan yang mencukupi kepada rakyat Malaysia terutamanya rumah mampu milik di kawasan luar bandar bagi generasi kedua di Kampung Tradisional, Kampung Baru dan di kawasan Felda.

34. PR-1242-L44923
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status terkini berkenaan penandatanganan triti utama hak asasi manusia seperti ICCPR, ICESR dan CAT dan adakah Jawatankuasa Antara Kementerian (Inter-Agency Coordinating Committee) yang diwujudkan untuk mengkaji triti-triti ini masih berfungsi.
35. PR-1242-L43766
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan program pemeriksaan mata dan pemberian cermin mata secara percuma kepada murid-murid sekolah luar bandar dan pedalaman.
36. PR-1242-L44691
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan proses pengeluaran kad pengenalan dan sijil kelahiran rakyat Malaysia, Bumiputera Sabah yang tinggal di Semenanjung. Adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu unit atau jabatan untuk membantu mereka memproses dokumen-dokumen ini tanpa perlu mereka pulang ke Sabah untuk menguruskannya.
37. PR-1242-L43301
Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bahawa pada pembentangan Bajet 2011, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan projek akuakultur sekala besar di Empangan Batang Ai dan setakat manakah projek ini telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian.
38. PR-1242-L44684
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pada tahun 2006 Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet (*Cabinet committee*) untuk mengatasi masalah pendatang tanpa izin ke Sabah. Apakah status dan penemuan (*finding*) jawatankuasa tersebut dan adakah masalah itu dapat diatasi.
39. PR-1242-L45003
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah konkrit yang telah diambil oleh Ketua Setiausaha Negara berikutan hasil siasatan-siasatan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara, SPRM dan PAC.
40. PR-1242-L43869
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar yang diterima oleh Institut-institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam tahun 2010 untuk kursus jururawat, fisioterapi, teknologi makmal perubatan dan sains penjagaan kesihatan (Health Care Science). Nyatakan pecahan pelajar mengikut IPTS, kursus, dan sama ada dapat pinjaman PTPTN.

41. PR-1242-L43380
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pendapatan negara hasil daripada cukai pendapatan bagi tahun 2010 yang berakhir pada 31 Mei 2011 berbanding dengan tahun 2009 yang berakhir pada 31 Mei 2010 dan berapa ramaikah Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang telah membayar cukai pendapatan pada tahun tersebut.
42. PR-1242-L43336
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kemiskinan di setiap negeri dan jumlah peratusan mengikut suku kaum di Sabah serta bentuk tindakan Kementerian ini dalam meningkatkan matlamatnya melalui Program e-Kasih.
43. PR-1242-L44016
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah penerimaan pelbagai suku kaum etnik terhadap Gagasan 1Malaysia sejak ia dilancarkan dan keberkesanan konsep ini dalam memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.
44. PR-1242-L44882
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan warga asing yang mendapat kewarganegaraan Malaysia pada tahun 2007, 2008, 2009 dan 2010. Sila nyatakan negara asal pemohon yang berjaya tersebut dan nyatakan asas pertimbangan Kementerian terhadap kesemua permohonan tersebut.
45. PR-1242-L43828
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah bilangan pemilik lesen perikanan C2 yang terlibat dengan pemotongan subsidi diesel. Apakah langkah-langkah lain yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu golongan nelayan ini yang kehilangan bantuan subsidi selain daripada menaikkan insentif hasil tangkapan ikan.
46. PR-1242-L43475
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa pemegang lesen feri baru dari Menumbok ke Labuan tidak menggunakan feri yang sesuai tetapi menggunakan kapal pendarat untuk mengangkut lori dan kereta yang tidak sesuai dan berbahaya. Apa alasan atau syarat dan keadaan diperlukan atas lesen ini.
47. PR-1242-L44020
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah purata laporan kecurian kereta di Malaysia, terutama di kawasan Lembah Klang dan apakah strategi dalam menangani masalah sosial ini. Apakah kebarangkalian untuk mendapatkan balik kereta yang dicuri ini.

48. PR-1242-L43990
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status program pemutihan untuk Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang diwar-warkan pelaksanaan pada Jun 2011 dan siapakah agensi pelaksana dalam program pemutihan PATI serta nyatakan syarikat yang dilantik oleh Kerajaan dalam program tersebut.
49. PR-1242-L44082
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah usahawan Bumiputera tempatan Sabah mendapat peluang dalam pelaksanaan projek Terminal Gas Minyak Sabah (SGOT) di Kimanis dan kilang Urea/Amonia Sabah di Sipitang, yang keduanya membabitkan pelaburan lebih RM5 bilion menerusi Petronas.
50. PR-1242-L44155
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian mengambil langkah penyelesaian berkenaan masalah tempat letak kereta yang penuh sesak di pangsapuri/flat kos rendah yang menyebabkan kereta bomba dan penyelamat tidak dapat masuk menjalankan tugas mereka jika berlakunya kebakaran.
51. PR-1242-L43453
Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap Utusan Malaysia kerana menyiarkan berita-berita yang disifatkan sebagai menghasut dan kebenarannya dipersoalkan.
52. PR-1242-L43887
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang dilaksanakan oleh Kementerian mencukupi bagi menangani ancaman dan jenayah siber yang semakin meningkat dan apakah usaha Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) memperkenalkan kaedah pelaksanaan pensijilan penyerahan skop dan pelancaran MS ISO/IEC 27001:2007 (ISMS) mampu berfungsi sebagai instrumen berkesan dalam mendepani jenayah siber ini.
53. PR-1242-L44915
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan bilangan pemastautin tetap di dalam negara ini setakat 30.04.2011 dan bilangan mereka yang diberikan kewarganegaraan selepas Merdeka pada tahun 1957.
54. PR-1242-L44637
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai suspek yang telah pun tercedera dan/atau meninggal dunia semasa operasi mencegah maksiat dijalankan oleh Jabatan-jabatan berkenaan serta sama ada kajian telah pun dibuat untuk mengelak kejadian ini seterusnya berlaku serta tindakan yang akan diambil.

55. PR-1242-L44269
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) jumlah pelajar tajaan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang kembali berkhidmat dengan negara selepas tamat pengajian sama ada di dalam atau luar negara semenjak tahun 2004; dan
 - (b) apakah sebab Kerajaan tidak menguatkuasakan supaya semua penerima biasiswa JPA wajib terus dipanggil dan diserap untuk berkhidmat dengan Kerajaan selama 6 atau 7 tahun seperti yang terikat dalam syarat biasiswa JPA bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir berbakat di negara ini.
56. PR-1242-L44672
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah Sijil Kewarganegaraan dan MyKad yang di keluarkan kepada pemohon-pemohon kaum India melalui program My Daftar.
57. PR-1242-L44051
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan tidak menggunakan peruntukan ISA dan Akta Hasutan, apakah langkah-langkah yang telah difikirkan Kerajaan bagi menangani kegiatan jahat yang sengaja mengapi-api pertentangan kaum dan agama di negara ini.
58. PR-1242-L44133
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan betapa seriusnya kekurangan tenaga pakar dalam semua bidang pakar perubatan khususnya bidang Onkologi dan Vaskular di Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh dan apakah langkah yang telah dirangkakan bagi mengatasi masalah tersebut.
59. PR-1242-L44609
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memandangkan Projek Perluasan Wad Psikiatrik bagi Hospital Sibu telah diluluskan bawah RMK-9, apakah perkembangan terkini bagi projek ini.
60. PR-1242-L43618
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah cadangan pindaan ke atas undang-undang ISA yang dijanjikan sejak tahun 2009 lagi akan dibentang ke Parlimen.
61. PR-1242-L44848
Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sambutan orang ramai ke atas perkhidmatan KTM Komuter bagi laluan Kuala Lumpur-Ipoh. Apakah bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini berbanding dengan kapasiti yang ditawarkan.

62. PR-1242-L44322
Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah pendirian Kerajaan dengan usul Persatuan Peguam Muslim supaya semua rang undang-undang berkaitan Islam dibincangkan dan dibahaskan di peringkat Majlis Raja-Raja dan dibentangkan ke Parlimen dan diluluskan tanpa bahas; dan
 - (b) bilakah Akta Sekatan Pengembangan Agama Lain (Anti-Propagation Act) bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berdasarkan Artikel 11 (4) Perlembagaan hendak dibentangkan di Parlimen.
63. PR-1242-L43179
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah diambil untuk memastikan barang-barang makanan dan barang-barang keperluan harian yang telah melampaui tarikh habis tempoh tidak dijual di kedai dan di pasar raya dengan mengubah tarikh habis tempoh yang asal.
64. PR-1242-L44640
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Polis DiRaja Malaysia sedia bekerjasama dengan Angkatan Tentera dan Kerajaan Tempatan untuk membenarkan anggota mereka membantu polis dalam perondaan cegah jenayah dan/atau untuk mengatasi masalah trafik dan sekiranya tidak, kenapa.
65. PR-1242-L44336
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan polisi penswastaan pengurusan sisa pepejal yang ditangguhkan sejak Mac 2011. Adakah permintaan Kerajaan Negeri Perak, Pulau Pinang dan Selangor untuk menguruskannya sendiri diterima dan kalau tidak, mengapa. Apakah kriteria syarikat yang terpilih tanpa tender terbuka oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan berapakah jumlah bayaran.
66. PR-1242-L44270
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) mengapakan FAMA yang bertindak sebagai Agensi Pemasaran Hasil Pertanian Pekebun Kecil hanya mementingkan pengusaha pertanian yang mempunyai hasil kuantiti yang besar tetapi meminggirkan petani-petani kecil; dan
 - (b) berapakah jumlah hasil tani yang telah diperolehi oleh pihak FAMA semenjak ia ditubuhkan di setiap negeri di seluruh Malaysia.

67. PR-1242-L44217
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan status terkini penstrukturan pengurusan air dalam negara.
68. PR-1242-L43165
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan di manakah kedudukan Negeri Sarawak dalam senarai tahap pembangunan berbanding dengan negeri-negeri lain di seluruh Malaysia. Sila berikan senarai dengan pecahan butiran mengikut *ranking* dan tajuk seperti berikut iaitu kadar kemiskinan, pelaburan asing dan tempatan, *growth rate*, *illiteracy rate* dan *state reserve fund*.
69. PR-1242-L44542
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah terma-terma utama di dalam Memorandum Persefahaman antara Sarawak Energy Berhad dan Smelter Asia Sdn Bhd (SASB) berhubung pembelian tenaga elektrik terutama dari segi tarif bagi setiap kWh, dan sama ada SASB mendapat sebarang tarif atau peruntukan istimewa berbanding pembeli-pembeli tenaga elektrik yang lain.
70. PR-1242-L44048
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengapa Malaysia jatuh 6 tangga dalam kajian "Dayasaing-Competitiveness" yang dibuat oleh 'The Institute of Management Development (IMD) World Competitive Rankings' meskipun lebih baik dalam kajian yang dibuat oleh Political and Economic Risk Consultancy (PERC).
71. PR-1242-L44617
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil daripada Makmal Pengurusan Warga Asing yang diadakan pada tahun lalu kerana sehingga kini masalah jenayah dan sosial yang melibatkan PATI, khususnya di kawasan Ampang yang dilihat tidak berkurangan, sebaliknya bertambah teruk.
72. PR-1242-L44456
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan Amanah Saham 1Malaysia :-
- (a) setakat April tahun ini, berapa saham telah dapat dijual dan nyatakan jumlah bakinya; dan
 - (b) apakah usaha Kerajaan untuk menarik minat dari rakyat jelata.
73. PR-1242-L43811
Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pembulian dan penderaan murid-murid di sekolah yang masih berleluasa berlaku.

74. PR-1242-L44230
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membina pelabuhan di Tok Bali, Kelantan atau memberikan kebenaran kepada mana-mana pihak lain untuk melaksanakan pembinaan tersebut.
75. PR-1242-L43411
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) jumlah kos perbelanjaan Kerajaan dalam memperbaiki cerun-cerun di lereng bukit sepanjang jalan raya Persekutuan di negeri Sabah; dan
 - (b) langkah positif Kerajaan melaksanakan penyelenggaraan jalan-jalan raya yang baru siap dibina terutama di kawasan luar bandar termasuk Parlimen Kinabatangan.
76. PR-1242-L43732
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit gangguan mental yang terima rawatan di hospital, mengikut kategori umur, jantina dan kaum, pada tahun 2008, 2009 dan 2010.
77. PR-1242-L44686
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan program-program dan peruntukan-peruntukan khas bagi membantu usahawan wanita menjalankan perniagaan mereka pada (5) lima tahun kebelakang. Apakah program tersebut mendapat sambutan dan sejauh mana keberkesanannya.
78. PR-1242-L43259
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah pemahaman dan penghayatan rakyat terhadap Rukun Negara; dan
 - (b) walaupun terdapat banyak undang-undang yang diguna pakai untuk membendung aktiviti yang boleh menimbulkan sensitiviti kaum dan agama, aktiviti ini masih juga berleluasa. Apakah pendekatan baru Kerajaan bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat terpelihara.

79. PR-1242-L43164
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) apakah Kementerian maklum bahawa semua lebih kurang 2698 orang Ketua Kampung di negeri Sabah belum lagi menerima elaun dengan kadar baru sebanyak RM800.00 sebulan semenjak Januari 2011; dan
 - (b) jika maklum, bilakah elaun dengan kadar baru seperti yang telah diumumkan ini akan dibayar.
80. PR-1242-L44518
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan Kerajaan Pusat telah menjanjikan hak serta peluang pembelian rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) kepada penyewa rumah pangsa kos rendah Kerajaan. Setakat ini berapakah jumlah rumah yang telah diberi hak kepada penyewa.
81. PR-1242-L43921
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan siapa yang mengarah pihak polis menghalang perhimpunan menuntut Akta Gaji Minima di Kuala Lumpur pada 1hb Mei 2011. Mengapakah hak rakyat untuk berkumpul secara aman disekat.
82. PR-1242-L44098
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perbelanjaan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) setiap tahun mulai tahun 2005 secara terperinci mengikut :-
- (a) jumlah keseluruhan Kementerian; dan
 - (b) mengikut industri, khususnya industri ternakan dan ternakan khinzir, padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan perikanan.
83. PR-1242-L44533
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah SPRM telah memulakan siasatan berkenaan pembelian kapal selam Scorpene yang melibatkan rasuah sebanyak 30 juta Euro dan 2.5 juta Euro masing-masing yang melibatkan syarikat di Malta bernama Gifen dan perantara yang belum dikenali yang baru-baru ini dedahkan oleh pihak berkuasa Perancis selepas siasatan sejak awal tahun 2011.
84. PR-1242-L43770
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan akan mula memasang paip air ke semua kampung-kampung di Pulau Bruit sedangkan paip utama telah pun siap disediakan.

85. PR-1242-L44502
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) anggaran pecahan subsidi yang akan ditanggung Kerajaan pada tahun 2011 mengikut kategori terperinci; dan
 - (b) anggaran kenaikan hasil Kerajaan berpunca dari sektor minyak dan gas, dan lain-lain sumber.
86. PR-1242-L44998
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengapakah Lynas Corporation ditawarkan 'Strategic Pioneer Status' dan dikecualikan cukai selama 12 tahun sedangkan projek ini jelas membahayakan keselamatan awam.
87. PR-1242-L44584
Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Klinik Kaunseling 1Mindef bagi melahirkan warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang bermotivasi serta bebas daripada sebarang masalah seperti tekanan kerja dan psikologi dan sekali gus meningkatkan lagi keupayaan mereka sebagai benteng pertahanan negara.
88. PR-1242-L43662
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berpuas hati terhadap pemahaman dan pelaksanaan GTP/NKRA/NKEA dan lain-lain, adakah kajian kuantitatif dan kualitatif ke atasnya dan bagaimana boleh menambah baik pemahaman dan pelaksanaannya di kalangan jentera Kerajaan khususnya pegawai Kerajaan supaya kejayaan diperolehi untuk faedah negara ini.
89. PR-1242-L44443
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) apakah keberkesanan peranan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) terhadap melahirkan pekerja-pekerja mahir dalam industri pembinaan negara; dan
 - (b) apakah sasaran CIDB dalam usaha mempertingkatkan kemahiran sumber manusia industri pembinaan negara menjelang tahun 2020.
90. PR-1242-L43461
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah kaedah yang boleh dilaksanakan untuk membanteras penipuan dalam tuntutan insurans kenderaan supaya premium/kadar tuntutan boleh dibaiki agar kenaikan premium insurans dapat dibendung.

91. PR-1242-L44399
Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah jangka panjang dan pendek yang akan diambil dalam menangani masalah obesiti di kalangan penjawat awam.
92. PR-1242-L43477
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa harga ubat-ubatan yang dijual oleh syarikat-syarikat farmasi di pasaran meningkat begitu tinggi dan ramai rakyat tidak mampu untuk membeli. Apakah tindakan yang akan diambil untuk mengawal harga-harga ubat yang tinggi itu.
93. PR-1242-L43423
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) di Terengganu yang telah diserahkan kepada Kementerian di bawah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan nyatakan terma-terma penyerahan yang telah dipersetujui.
94. PR-1242-L44770
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kedudukan caj terkurang yang Tenaga Nasional Berhad (TNB) kenakan ke atas pengguna dari segi jumlah kes dan amaun, punca berlaku terkurang caj dan penyelesaian bagi yang tidak mampu membayarnya.
95. PR-1242-L44162
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan membantu golongan berpendapatan rendah (kurang RM1,500 sebulan) dari segi kenaikan gaji bulanan supaya mereka tidak mengalami kesan tekanan dari kenaikan harga barangan keperluan terutamanya minyak, gula dan lain-lain.
96. PR-1242-L43800
Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab masalah kesesakan orang awam yang masih berlaku dalam mendapatkan perkhidmatan KTM terutamanya pada waktu puncak dan langkah-langkah mengatasinya.
97. PR-1242-L44373
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah cuti bersalin yang ada sekarang dinaikkan jumlah kepada 90 hari serta jumlah faedah itu akan ditambah.
98. PR-1242-L44095
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jadual pelaksanaan Skim Kesihatan 1Care 1Malaysia dan bilakah insurans kesihatan akan diwajibkan untuk semua rakyat.

99. PR-1242-L44490
Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat ini apakah terdapat sebarang kemudahan pinjaman berfaedah rendah yang ditawarkan oleh Republik Rakyat China kepada negara kita untuk pembangunan prasarana. Jika ada, nyatakan jumlah kadar dan faedah yang ditawarkan serta terma-terma yang berkaitan. Jika tawaran tidak diterima, mengapa.
100. PR-1242-L44646
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyak peruntukan telah digunakan untuk iklan-iklan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi di saluran media massa dan sebagainya. Bilakah promosi iklan ini akan ditamatkan.
101. PR-1242-L43186
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan kes buli di sekolah menengah setiap bulan sejak Januari tahun 2009 serta sebab asas yang telah dikesan dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk membaiki masalah disiplin ini selain daripada buang sekolah.
102. PR-1242-L44349
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah mata pelajaran 'Perlembagaan Negara' akan dijadikan mata pelajaran di sekolah bagi menyahut dasar Kerajaan menjadikan mata pelajaran wajib lulus di peringkat SPM mulai tahun 2013.
103. PR-1242-L44608
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan merujuk kepada jawapan bertulis yang diberi kepada soalan Ampang bertarikh 11 Oktober 2010 dan 28 Oktober 2010, jelaskan setakat ini apakah hasil yang telah diperolehi melalui program 1AZAM yang telah dilaksanakan.
104. PR-1242-L43622
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi dan usaha yang sedang dilaksanakan untuk menarik pelaburan dari China dan India ke Malaysia dan apakah bantuan yang diberikan kepada peniaga Malaysia untuk membuka pasaran di kedua-dua negara tersebut.
105. PR-1242-L44195
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam menghidupkan semula muzium sebagai pusat pelancongan bertaraf antarabangsa seperti di negara-negara maju.
106. PR-1242-L43271
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar baru levi bagi pekerja asing supaya sesuai dengan keadaan sebenar mengikut sektor industri dan langkah Kerajaan bagi menggalakkan pengambilan pekerja tempatan di sektor perindustrian.

107. PR-1242-L44437
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pelajar di bawah Program Ijazah Luar Negara keluar negeri dari tahun 2000- 2010 dengan pecahan :-
- (a) jumlah pelajar mengikut kaum, jantina dan kursus pengajian; dan
 - (b) jumlah yang enggan pulang selepas tamat pengajian.
108. PR-1242-L43522
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik bagi permohonan sijil lahir, kad pengenalan, kewarganegaraan serta lain-lain pengenalan diri semasa kempen MyDaftar mengikut etnik kaum, agama dan jantina bagi permohonan-permohonan yang berjaya, sedang diproses dan tidak berjaya serta apakah tindakan lanjut bagi permohonan yang tidak berjaya.
109. PR-1242-L43384
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah peranan Kementerian untuk mendapat galakan dan sumbangan daripada badan-badan korporat untuk terlibat dari akar umbi, seperti penajaan pertandingan dan seterusnya di dalam memperkasa proses pembangunan sukan di Malaysia.
110. PR-1242-L43617
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil oleh pihak polis untuk mengawal keselamatan di Bandaraya Johor Bahru.
111. PR-1242-L44638
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah Kementerian berpuas hati dengan tahap keselamatan pintu masuk negara terutama berkaitan kes penyeludupan dadah terutamanya; dan
 - (b) jelaskan secara terperinci kes-kes penyeludupan dadah ke negara ini, terutama dari negara manakah punca utama penyeludupan tersebut, serta apakah langkah-langkah yang dilakukan Kementerian bagi menghadapi masalah ini.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

- * Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 2011.

2. **Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

- * Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2011.

3. **Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

- * Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2011.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan di bawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 16/2011) Rang Undang-undang Perihal Dagangan 2011 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (27 Jun, 2011)**

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]
2. (D.R. 14/2011) Rang Undang-undang Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan) 2011 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Kementerian Kewangan]
3. (D.R. 18/2011) Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2011. "

[Kementerian Kewangan]
4. (D.R. 19/2011) Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2011. "

[Kementerian Kewangan]
5. (D.R. 20/2011) Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 "

[Kementerian Kewangan]
6. (D.R. 8/2011) Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Pindaan) 2011 "

[Kementerian Luar Negeri]
7. (D.R. 30/2010) Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010 "

[Kementerian Kewangan]
8. (D.R. 10/2011) Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011 "

[Kementerian Kerja Raya]

9. (D.R. 9/2011) Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011 “
[Kementerian Kesihatan]
10. (D.R. 12/2011) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011 “
[Kementerian Kesihatan]
11. (D.R. 46/2010) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 “
[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]
12. (D.R. 17/2011) Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 “
[Kementerian Sumber Manusia]
13. (D.R. 15/2011) Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 “
[Kementerian Sumber Manusia]
14. (D.R. 13/2011) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 “
[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]
15. (D.R. 45/2010) Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu 2010 “
[Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar]
16. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “
[Kementerian Pertahanan]
17. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 “
[Kementerian Kewangan]
18. PR-1242-U43283
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa ketika keadaan negara berada dalam keadaan aman dan tenteram, tugas Angkatan Tentera Malaysia (Darat, Udara dan Laut) tidaklah begitu berat.

Dan mengambil maklum bahawa terdapat mereka yang berkhidmat dalam angkatan tentera begitu berkelayakkan tinggi, misalnya doktor perubatan, doktor gigi, jurutera mekanikal dan elektrik, jurutera awam, pentadbiran awam dan sebagainya. Dan mengambil maklum bahawa, kepakaran anggota yang disebutkan di atas sesungguhnya dapat membantu dalam pentadbiran negara dan dimanfaatkan untuk ketenteraman dan kemajuan negara. Dan mengambil maklum juga bahawa terdapat cadangan bahawa pihak tentera membantu pihak polis dalam rondaan di tempat strategik bagi memastikan keamanan negara. Selain itu, pihak tentera juga boleh membantu anggota trafik untuk mengawal lalu lintas disamping membuat kerja-kerja kemasyarakatan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, agar satu rangka kerja dapat diwujudkan agar pihak tentera dapat memainkan peranan dalam pembangunan negara melalui program-program yang dimaksudkan di atas."

(Menteri Pertahanan)

19. PR-1242-U43291

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat pegawai terutama sekali pegawai bawahan angkatan tentera, polis dan pasukan beruniform yang lain, setelah bersara wajib, mereka hidup di paras kemiskinan. Dan mengambil maklum bahawa keadaan ini berlaku kerana, latihan dan amalan tugas mereka semasa bertugas tidak dapat menawarkan mereka sebarang peluang kerja baru ataupun minat mereka selepas bersara telahpun berubah. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, sesetengah mereka tidak mempunyai sebarang rumah untuk berteduh. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, mereka tidak lagi dapat menampung persekolahan anak-anak dan diburukkan lagi dengan tidak mendapat sebarang bantuan biasiswa, oleh itu tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Dan mengambil maklum bahawa, satu program khas hendaklah dirangka bagi mereka ini, untuk melatih mereka dalam bidang yang ingin mereka ceburi selepas bersara, termasuklah untuk menyediakan tanah bagi mereka usahakan, sementara anak-anak mereka hendaklah diberikan biasiswa melalui koperasi yang berkaitan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, pihak Kerajaan menyediakan program khas bagi mereka ini untuk mempersiapkan mereka sebelum persaraan mereka."

(Menteri Dalam Negeri)

20. PR-1242-U43292

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan memaktubkan bahawa kaum Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak diberikan kedudukan khas dan istimewa dalam Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa dengan kedudukan khas dan istimewa ini, mereka yang dimaksudkan di atas diberikan keutamaan bagi pemberian biasiswa, pekerjaan dan lain-lain lagi. Dan mengambil maklum bahawa, walaupun orang asli yang terdiri daripada tiga kumpulan utama iaitu Semang (Negrito), Senoi dan Proto-Malay, telah menduduki negara ini sejak zaman nenek moyang mereka lagi, mereka telah tidak diiktiraf oleh Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa oleh kerana kedudukan mereka tidak termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Malaysia, mereka tidak mendapat sebarang keistimewaan sebagaimana yang diperuntukan kepada golongan yang dimaksudkan dalam Perkara 153 tersebut. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, oleh kerana orang asli juga adalah penduduk asal negara ini, maka Kerajaan hendaklah meminda Perkara 153 Perlembagaan Malaysia dengan memasukkan orang asli sebagai orang-orang yang dilindungi oleh perkara sama, sama kedudukan dengan Orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

21. PR-1242-U43302

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat banyak tanah-tanah rezab Kerajaan, tanah rezab sungai, tanah pesisir pantai, tanah-tanah rezab lainnya dan tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan. Keadaan ini tidak mendatangkan sebarang pulangan kepada ekonomi negara mahupun pemilik individu yang dimaksudkan. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya tanah-tanah yang dimaksudkan, sekiranya diusahakan akan mendatangkan hasil yang lumayan kepada ekonomi negara terutama sekali dalam industri makanan. Dan mengambil maklum bahawa, rezab-rezab sungai juga boleh dibangunkan untuk aktiviti akuakultur dimana akan menyumbang juga kepada ekonomi negara.

Dan mengambil maklum bahawa dengan adanya aktiviti ekonomi yang dimaksudkan, kawasan yang dimaksudkan juga akan dapat diperindahkan. Dan mengambil maklum bahawa, kesemua aktiviti yang dimaksudkan diatas, terutama sekali yang melibatkan tanah rezab Kerajaan dan tanah rezab sungai dapat dibangunkan dengan memberikan lesen pendudukan sementara daripada para pengusaha yang berminat untuk mengusahakan tempat tersebut mengikut kesesuaian setempat. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, Kerajaan hendaklah, melalui Kerajaan negeri masing-masing meningkatkan lagi kepenggunaan tanah yang dimaksudkan di atas bagi memantapkan lagi ekonomi negara."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

22. PR-1242-U43959

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Menteri Kesihatan memberitahu Dewan ini mengenai isi kandungan transformasi kesihatan termasuk 1 Care dan 1 Clinic. Bahawa Dewan ini memperbahaskan bagaimana 1Care ini boleh mewujudkan penjagaan kesihatan yang mampu dibayar oleh rakyat."

(Menteri Kesihatan)

23. PR-1242-U43960

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan kaedah baru kenaikan pangkat sebagai lanjutan transformasi kecemerlangan pendidikan negara. Dewan ini juga hendak mendebatkan skop perjawatan diperluaskan bagi membolehkan lebih ramai dari hampir 400,000 guru mendapat kenaikan pangkat."

(Menteri Pelajaran)

24. PR-1242-U44889

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama".

(Perdana Menteri)

25. PR-1242-U44890

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjajaan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). "

(Menteri Dalam Negeri)

26. PR-1242-U43366

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dan membuat ketetapan mengenai pengeluaran serta pemberian kontrak-kontrak kepada kontraktor bagi pembinaan-pembinaan infrastruktur dan bangunan bukan sahaja dengan kelas khas contohnya Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) kelas A tetapi haruslah memastikan agar kontraktor-kontraktor mematuhi segala syarat dan

keperluan kejuruteraan seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Pemantauan rapi haruslah dilaksanakan dengan telus dan tegas supaya betul-betul dapat mengelakkan daripada kecuaiian semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan. Ini tentu sekali dapat memastikan tidak ada kejadian yang tidak diingini berlaku seperti bangunan runtuh dan kecacatan infrastruktur sebelum dan selepas tempoh jaminan."

(Menteri Kewangan)

27. PR-1242-U43375

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang serta memutuskan agar rakyat Malaysia terutamanya di media massa untuk menghentikan perbalahan mencaci dan meragui kepercayaan agama dan kebebasan beragama masing-masing seperti mana yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia serta menghormati Rukun Negara. Media-media massa yang tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati ini dan mengeluarkan berita tanpa siasatan dan mengakibatkan keraguan serta berkemungkinan boleh mencetuskan kebimbangan serta percacihan di antara rakyat yang menghormati kaum yang berbilang di negara ini."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

28. PR-1242-U43381

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang untuk menyiasat dengan seriusnya mengenai keadaan pertumbuhan penduduk di Sabah yang mendadak sekali sehingga melebihi kadar peratus pertumbuhan yang biasa mengikut perbandingan bancian penduduk sejak tahun 1970 hingga bancian terkini 2010. Pengawalan serta penyiasatan pertumbuhan penduduk ini tentunya mempunyai dasar dan pengurusan agar rakyat Malaysia di Sabah dapat menjalankan taraf kehidupan yang baik, jauh dari kemiskinan, malapetaka serta keraguan di antara mereka."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

29. PR-1242-U44783

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan sendiri dalam Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

30. PR-1242-U44788

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menyalurkan peruntukan tahunan kepada Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang dimenangi sebagaimana yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat BN, supaya peruntukan dapat disalurkan untuk manfaat pengundi dan kawasan yang diwakili, sepertimana yang diamalkan di Negara Taiwan.

Langkah menyekat peruntukan tahunan wakil rakyat PR sebenarnya adalah satu diskriminasi politik ke atas para pengundi dan rakyat keseluruhannya dan sekatan amalan demokrasi itu sendiri dan tidak wajar peruntukan itu disalurkan kepada parti-parti komponen BN untuk kegunaan mereka."

(Menteri Kewangan)

31. PR-1242-U44154

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, ramai yang mempertikaikan Malaysia berkaitan tahap kebebasan media yang diamalkan sejak kebelakangan ini.

Ada juga pihak yang menyatakan bahawa kebebasan media Malaysia sudah tidak bernyawa lagi akibat kekebalan undang-undang. Sebagai sebuah negara mengamalkan sistem Demokrasi berparlimen ianya cukup penting untuk memberikan peranan yang tinggi kepada kebebasan media kerana ianya bersangkutan paut dengan demokrasi negara. Apakah daya yang mampu diperkenalkan oleh industri media dalam menyalurkan berita tepat dan benar kepada seluruh rakyat jikalau pelbagai Akta berkaitan media yang sanggup menggari kebebasan media dinegara ini. Maka dengan itu segala AKTA dan UNDANG-UNDANG yang mengongkong kebebasan media harus dimansuhkan dengan kadar segera dalam melahirkan usaha baru bagi mencerminkan kemuliaan kebebasan media di Malaysia".

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

32. PR-1242-U44981

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan memohon Kementerian Pelajaran ini mengkaji semula syllabus yang sedia ada bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah bagi penyediaan melahirkan lagi insan yang benar-benar berpendidikan, berpengetahuan dan berketerampilan dengan menitikberatkan elemen kokurikulum dalam penilaian pencapaian."

(Menteri Pelajaran)

33. PR-1242-U44983
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kerajaan menyediakan garis panduan di peringkat kebangsaan bagi menyelaraskan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti-mufti di peringkat negeri."

(Perdana Menteri)

34. PR-1242-U44985
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula dasar Pasar Larut Malam dan lain aktiviti dalam usaha mengekalkan keperluan tubuh manusia yang memerlukan waktu malam untuk beristirahat dan siang bekerja. "

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

35. PR-1242-U45062
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan mengkaji untuk memperbanyakkan lagi AP untuk bahan gula dan beras agar harga dapat diturunkan. Dengan adanya oligopoly akan dapat menurunkan harga dan manfaatnya akan dinikmati oleh masyarakat."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

36. PR-1242-U45063
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengadakan satu mekanisma untuk menghalang warga bukan negara menikmati subsidi ke atas barangan seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

37. PR-1242-U45064
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Pengangkutan pihak pengendali Touch & Go mengadakan lorong tambah nilai di laluan Plaza Tol bagi kemudahan pengguna tanpa ke pejabat atau agen Stesyen minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

(Menteri Kerja Raya)

38. PR-1242-U43833
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Perdana Menteri supaya tampil ke Mahkamah Perancis untuk membersihkan nama Negara Malaysia dan menjelaskan urusan niaga yang berkaitan dengan Syarikat Armanis dan transaksi kewangan yang bernilai RM 30 juta dan RM 2.5 juta kepada syarikat Gifen yang berpangkalan di Malta. Dokumen-dokumen telah diperolehi oleh Pihak Berkuasa Perancis setelah menyerbu Syarikat DNCS dibawah Akta Kebebasan Maklumat. Menurut peruntukan Konvensyen Korupsi Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 2002 yang membenarkan untuk memanggil individu yang terlibat termasuk pemimpin tertinggi sesebuah negara. Jika gagal dijalankan, Warrant Geledah Antarabangsa akan digunakan untuk memaksa individu itu membari keterangan."

(Perdana Menteri)

39. PR-1242-U43387
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan agar Kerajaan mengkaji semula kenaikan gaji yang diumumkan baru-baru ini dimana Guru Besar Sekolah Rendah yang mempunyai pelajar yang sedikit dikekalkan gaji mereka pada DGA 32 manakala Penolong Guru Besar Sekolah Rendah Cluster dinaikkan gaji mereka dari DGA 32 kepada DGA 34."

(Perdana Menteri)

40. PR-1242-U43398
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk menyediakan saluran Khas di televisyen yang dapat menyiarkan secara langsung persidangan penuh di Dewan Rakyat supaya orang awam lebih maklum tentang perbincangan yang dibuat oleh Ahli Parlimen mereka".

(Perdana Menteri)

41. PR-1242-U43402

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mendesak agar Kerajaan dapat mewajibkan pilihanraya Kerajaan tempatan supaya perkhidmatan akan menjadi lebih baik dan kerja-kerja yang diberikan kepada sub kontraktor perlu diawasi oleh kerajaan tempatan bagi mengelakkan penyelewengan".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

42. PR-1242-U43408

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menangani salah laku Pegawai Polis dimana terdapat terlalu ramai yang ditahan reman mati di dalam lokap".

(Menteri Dalam Negeri)

43. PR-1242-U43419

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk ISA dan semua tahanan yang ditahan di ISA dibicarakan di Mahkamah terbuka atau dibebaskan jikalau tidak ada bukti yang mencukupi untuk mendakwa mereka".

(Menteri Dalam Negeri)

44. PR-1242-U43421

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mencadangkan bahawa semua jawatan kosong dalam sektor awam dapat diiklankan di dalam semua surat khabar utama supaya orang awam dari semua golongan rakyat dapat memohon jawatan tersebut".

(Perdana Menteri)

45. PR-1242-U43424

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mengawal penjualan asid secara terbuka dan menjadikan asid sebagai barangan kawalan atau penjual-penjual haruslah menulis nama dan nombor kad pengenalan mereka yang membeli asid

bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku seperti kejadian pembuangan asid terhadap wanita-wanita yang banyak berlaku sekarang di negara ini."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

46. PR-1242-U43425

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan membina lebih banyak Muzium Memorial yang melambangkan sejarah Malaysia contohnya Yap Ah Loy, Bapa Pembangunan Awal Kuala Lumpur bagi mengenang jasa mereka."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

47. PR-1242-U43427

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan agar Kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan undi Pos".

(Perdana Menteri)

48. PR-1242-U43429

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan supaya harga petrol dan gula tidak dinaikkan lagi kerana kenaikan harga petrol dan gula secara mendadak kebelakangan ini amat membebankan rakyat kerana harga barangan lain juga akan turut naik. Kerajaan harus memastikan bil-bil utiliti tidak dinaikkan."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

49. PR-1242-U43431

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengarahkan Kerajaan untuk membina lebih banyak sekolah Cina dan Tamil di kawasan-kawasan yang terdapat ramai pelajar Cina dan Tamil memandangkan peningkatan pelajar-pelajar yang belajar di Sekolah Cina dan Tamil."

(Menteri Pelajaran)

50. PR-1242-U43756

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

(Menteri Pertahanan)

51. PR-1242-U43407

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan penguatkuasa undang-undang yang lebih tegas tapi adil dalam menangani insiden-insiden yang mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam. Dewan sedar akan pertimbangan implikasi politik namun keselamatan rakyat dan negara adalah tanggungjawab Kerajaan yang dipilih rakyat" .

(Menteri Dalam Negeri)

52. PR-1242-U43410

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri menggantung pendaftaran mana-mana parti politik dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang memeralatkan agama untuk memporak-perandakan ketenteraman hidup rakyat Malaysia pelbagai kaum yang hidup aman damai. Dewan akur bahawa langkah sedemikian perlu bagi mengekalkan perpaduan yang terjalin dikalangan rakyat sejak sebelum Merdeka ".

(Menteri Dalam Negeri)

53. PR-1242-U43412

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan agar lagu tema 1Malaysia yang diterbitkan Lim Kok Wing Sound and Music Design Academy dijadikan sebagai lagu wajib di setiap sekolah dan pusat pengajian di dalam negara. Dewan sedar tindakan ini mampu memperkukuhkan perpaduan dan mencungkil rasa cinta kepada tanah air."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

54. PR-1242-U43414

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mencadangkan agar pihak Menteri Belia dan Sukan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memerangi gejala rasuah dalam bidang sukan. Dewan mendesak agar pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dijadikan 'rakan aktif' dalam menangani gejala ini, terutamanya dalam sukan bola sepak negara".

(Menteri Belia dan Sukan)

55. PR-1242-U43471

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri membentangkan satu laporan penuh berhubung pelaksanaan kaedah "Saman Ekor". Dewan membuat ketetapan laporan tersebut perlu untuk memperjelaskan kedudukan sebenar kaedah "Saman Ekor" yang telah banyak mengundang debat umum."

(Menteri Dalam Negeri)

56. PR-1242-U43476

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan dasar Persekutuan dipatuhi di peringkat negeri, terutamanya di negeri yang ditadbir pembangkang. Dewan mengambil maklum bahawa walaupun Kerajaan negeri mempunyai hak seperti yang termaktub didalam Perlembagaan, namun penyalahgunaan hak tersebut demi kelangsungan politik boleh memudaratkan kesejahteraan rakyat."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

57. PR-1242-U44950

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa Bangsa-Bersatu pada 18 December 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan

mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

58. PR-1242-U44952
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya DiRaja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

(Menteri Sumber Manusia)

59. PR-1242-U44876
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil langkah segera bagi meringankan beban rakyat dengan menghapus dan memansuhkan semua jenis tol di lebuhraya Malaysia."

(Perdana Menteri)

60. PR-1242-U44878
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil tindakan membatalkan semua jenis saman ekor tertunggak yang berjumlah 15 juta saman setelah pelaksanaan format dan Akta Pengangkutan Jalan Pindaan 2010 dikuatkuasakan."

(Menteri Dalam Negeri)

61. PR-1242-U44880
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menutup syarikat Felda Plantation dan mengagihkan tanah milik Felda Plantation kepada generasi kedua dan ketiga peneroka Felda."

(Perdana Menteri)

62. PR-1242-U44881

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan memberikan pengiktirafan peranan dan jasa kakitangan awam dengan mengkaji semula struktur gaji bermula dengan menaikkan Imbuhan Perguruan sebanyak RM500 sebulan setiap seorang guru sebagai penghargaan kepada guru."

(Perdana Menteri)

63. PR-1242-U44883

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan kepada 2 peratus."

(Menteri Kewangan)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2011</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.31	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2009	28 Jun 2011
ST.36	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) Bagi Tahun 2010	28 Jun 2011

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri yang Bertanggungjawab
1. 28.6.2011 (Selasa)	1. YB. Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)	1. Tawarkan Tingkatan Enam kepada Pelajar Lulusan SPM Sementara mereka Mengambil semula Peperiksaan Mata Pelajaran Bahasa Melayu Julai.	1. YB Menteri Pelajaran
2. 28.6.2011 (Selasa)	2. YB. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)	2. Isu Berkenaan Projek Tenaga Boleh Diperbaharui Oleh Cypark Resources Berhad.	2. YB Menteri Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air